Sumber berkata, di lokasi kebakaran awal pagi tadi terdapat 244 tong dan 14 daripadanya didapati tumpah dan bocor manakala di lokasi kedua terdapat 24 tong bahan kimia.

"Jarak di antara kedua-dua lokasi pembuangan sisa terbabit kira-kira 500 meter.

"Jarak penempatan terdekat dengan lokasi terbabit 150 meter hingga 200 meter dan radius bau pula adalah sehingga 200 meter," katanya.

Dalam kejadian 3.29 pagi itu, 15 anggota bomba dari BBP Kuala Selangor dan Kapar dikejarkan ke lokasi kejadian.

Kebakaran berjaya dipadamkan sepenuhnya pada jam 5.58 pagi dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Bagaimanapun, anggota bomba terpaksa menjalani ujian pemeriksaan di Hospital Tanjong Karang (HTK) kerana ia membabitkan kebakaran bahan kimia.